

1978

ALOR SETAR, 10 JUN (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENSIFATKAN KEGIATAN POLITIK P DALAM USAHA MEREKA MEMECAH BELAHKAN PERPADUAN ORANG MELAYU LEBIH MERBAHAYA DARI PENGADUN KOMUNIS.

BERUCAP DI MAJLIS GERMAMAH DI KAMPUNG WANG TEPUS, JITRA 12 BATU DARI SINI BELIAU BERKATA, PARA PEMIMPIN PARTI ITU DIDAPATI MENJAL- KAN KEGIATAN POLITIK YANG BOLEH MELEMAHKAN PERPADUAN ORANG MELAYU SENDIRI.

KATANYA, DENGAN ADANYA KELEMAHAN PERPADUAN DI KALANGAN MASYARAI MELAYU ANASIR KOMUNIS AKAN CUBA MERESAPI MASUK UNTUK KEPENTINGAN MEREKA.

BELIAU BERKATA PERPADUAN ADALAH MERUPAKAN SALAH SATU FAKTOR PEI- TING BAGI UMAT ISLAM KHAZYA ORANG MELAYU UNTUK MENAHAN PENGARUH ANASIR KOMUNIS.

MENURUT BELIAU, TINGKAN LAKU YANG DIJALANKAN OLEH PAS ITU AKAN HANYA MELEMAHKAN PERPADUAN ORANG MELAYU DAN SEBALIKNYA MEMBERI PELUANG KEPADA PIHAK YANG TIDAK DIINGINI MERESAPI MASUK.

PAS, KATANYA SANGGUP MEMPERALATKAN AGAMA BAGI MEMECAH BELAHKAN PERPADUAN ORANG MELAYU DENGAN TUJUAN UTAMANYA MEMANCING UNDI DALAM PILIHANRAYA 1978. — BERSAMBUNG 1823/ZCM

MAHATHIR-PAS 2 ALOR STAR

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG BERUCAP DALAM KAWASAN PILIHANRAYA PARLIMENNYA BERKATA, PAS TELAH JUGA DIDAPATI MENYALAH GUNAKAN MASJID DAN SURAU DI BEBERAPA TEMPAT DI KEDAH DALAM KEMPEN PILIHANRAYA INI.

KATANYA, MEREKA TELAH MENYALAH GUNAKAN MASJID DAN SURAU DENGAN ALASAN MENGADAKAN SYARAHAN AGAMA TETAPI SEBALIKNYA APA YANG BERLAKU TALAH KEMPEN MENYOKONG CALUN PAS BUKAN SYARAHAN AGAMA.

BELIAU MENINGGATKAN PARA PENGUNDI SUPAYA JANGAN MUDAH TERPENGAROI DENGAN SYARAHAN AGAMA YANG DIADAKAN OLEH TOKOH PAS DALAM KEMPEN PILIHANRAYA BAGI MUSLIHAT MEMANCING UNDI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA, MANIFESTO YANG DIKELUARKAN OLEH PAS MENGANDUNGI POTONGAN AYAT ALQURAN ADALAH BERTENTANGAN DENGAI AJARAN ISLAM.

BELIAU BERKATA, AYAT QURAN TIDAK SEPATUTNYA DIGUNAKAN UNTUK KEPENTINGAN POLITIK YANG BOLEH MENGELIRUKAN ORANG ISLAM.

BELIAU JUGA MENINGGATKAN PARA PEMIMPIN PAS YANG BERKELULUSAN PENGAJIAN ISLAM SUPAYA JANGAN MEMBOHONG RAKYAT DENGAN MENGATAKAN KERAJAAN TIDAK MENITIK BERATKAN MASALAH PENGAJIAN ISLAM DI NEGARA INI. — BERSAMBUNG 1832/ZCM

B627:

MAHATHIR-PAS 3 ALOR SETAR

KATANYA, SEJAK NEGARA INI MERDEKA KERAJAAN TELAH MENDIRIKAN BEBERAPA BUAH PUSAT PENGAJIAN TINGGI ISLAM TERMASUK MENGADAKAN FAKUL ISLAM DI UNIVERSITI KEBANGSAAN DAN JABATAN PENGAJIAN ISLAM DI UNIVERSITI MALAYA DALAM USAHA MENINGGIKAN SYAIR ISLAM.

BELIAU BERKATA, PARA PEMIMPIN PAS HARUS SEDAR TENTANG ADANYA GOLONGAN INTELEK PAS YANG BERJAYA MELANJUTKAN PELAJARAN DI PUSAT PENGAJIAN ISLAM DI NEGARA INI HASIL DARI KEMAJUAN PELAJARAN.

TENTANG KERJASAMA PAS DENGAN DAP BELIAU BERKATA, PIHAK BARISAN NASIONAL MEMPUNYAI BUKTI YANG MANA PARTI PAS TELAH PUN DIDAPATI BERKERJASAMA SECARA TIDAK LANGSUNG DENGAN DAP SEJAK TAHUN 1969 DAHULU.

KATANYA DALAM PILIHANRAYA INI PAS SANGGUP MELETAKKAN CALUNNYA BERTANDING MENENTANG CALUN BARISAN NASIONAL DI KAWASAN YANG MANA TERDAPAT KURANG DARI 25 PERATUS UNDI ORANG MELAYU.

DALAM PILIHANRAYA INI PAS AKAN TERPERANGKAP DENGAN TEKTIK DAP ITU. — BERNAMA 1833/ZCM